

21 JUL 1999
Ting-Selaras

KERAJAAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN SELARAS PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bersetuju mengambil pelbagai langkah yang lebih sistematik untuk menyelaraskan lagi bidang kuasa kedua-dua pihak berkaitan pembangunan perancangan bandar dan desa.

Beliau berkata langkah itu juga akan memperkukuhkan dan mengimbangi kuasa antara kedua-dua pihak.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ting Chew Peh, berkata perkara itu telah dipersetujui oleh semua pihak dalam mesyuarat menteri-menteri besar dan ketua menteri yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas.

"Selama ini, banyak keputusan mengenai perancangan bandar dan desa di peringkat negeri ditentukan oleh Kerajaan negeri dalam keadaan tertentu tidak dirujuk kepada Kerajaan Persekutuan," katanya pada persidangan berita selepas menghadiri mesyuarat mingguan kabinet di sini, hari ini.

Mengikut perlembagaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa adalah dalam senarai bersama kedua-dua pihak.

"Oleh itu, kurangnya penyelarasan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan telah menyebabkan masalah lebihan hartanah berlaku di kawasan-kawasan tertentu di seluruh negara.

"Ini berlaku akibat kelulusan berlebihan bagi menukar syarat oleh pihak berkuasa kerajaan negeri. Kalau banyak tukar syarat atas tanah untuk tujuan pembangunan, ini boleh mengakibatkan terlalu banyak hartanah dalam pasaran," katanya.

Antara langkah jangka pendek yang telah dipersetujui ialah semua pembangunan hartanah di negeri masing-masing perlu berpandukan kepada dasar guna tanah yang ada dalam rancangan struktur atau rancangan tempatan.

Selain itu, semua penggunaan tanah yang melibatkan sebahagian besar anggota masyarakat perlu dirujuk kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa di peringkat persekutuan.

Pihak berkuasa perancang tempatan juga perlu menerima pakai 22 garis panduan perancangan yang dikeluarkan jabatan itu di peringkat persekutuan dan semua rancangan struktur dan rancangan tempatan perlu diwartakan oleh kerajaan negeri masing-masing.

Tin berkata setakat ini sebanyak 31 rancangan struktur dan 32 rancangan tempatan masih belum diwartakan oleh kerajaan negeri masing-masing.

Beliau berkata Jabatan Peguam Negara juga diminta meneliti undang-undang yang sedia ada terutama Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan beberapa akta lain yang berkaitan, dan jika perlu, meminda akta berkenaan supaya perancangan bandar dan desa dapat diselaraskan dengan lebih baik.

-- BERNAMA
APG NAK